



## **GOLONGAN MUDA MAT REMPIT: SUATU EKSPRESI SUB BUDAYA**

(Activities and Social Expressions of a Mat Rempit Youth Group: A Sub-cultural Study)

Rokiah Ismail, Muhamad Fuad Abdul Karim & Zaidah Mustapha

### **ABSTRAK**

Kajian ini membincangkan fenomena Mat Rempit dari sudut aktiviti dan sub-budaya yang diamalkan oleh segolongan anak muda di Kuala Lumpur. Permasalahan kajian memfokus kepada aktiviti dan ekspresi sub-budaya Mat Rempit bukan sahaja daripada aktiviti berlumba haram, bahkan juga aktiviti yang berkaitan dengannya seperti berhibur melalui muzik, mencuri motosikal dan mengambil dadah. Pengkaji telah memilih 45 orang responden menggunakan kaedah pesampelan bertujuan dalam satu kerja lapangan yang dijalankan dari Januari hingga November 2007. Responden yang dipilih adalah Mat Rempit di Kuala Lumpur berusia antara 17 hingga 26 tahun. Seramai 7 orang responden telah ditemubual secara mendalam. Kajian bertujuan memperihal aktiviti Mat Rempit dan mengenal pasti elemen-elemen khusus dalam sub-budaya yang diamalkan oleh mereka. Kajian turut melihat ekspresi sosial golongan Mat Rempit melalui aktiviti serta sub-budaya mereka yang melibatkan penggunaan ruang fizikal dan sosial serta peluang untuk menjalankan aktiviti dan membangunkan sub-budaya mereka. Kajian mendapati sub-budaya yang terhasil merupakan suatu reaksi dan penyelesaian berbentuk kolektif golongan Mat Rempit terhadap budaya masyarakat konvensional yang dipersepsi membatas kehendak dan keinginan orang muda seperti terpancar melalui pelbagai aktiviti dan sub-budaya khusus mereka, dan pada masa sama cenderung mempermasalahkan penggunaan masa lapang mereka.

**Kata kunci:** Mat Rempit, lumba haram, sub-budaya, penyelesaian kolektif, transformasi sosial.

### **ABSTRACT**

The research discusses the activities and sub-culture of a Mat Rempit group (outlaw bikers) in Kuala Lumpur. The research problem focuses on the sub-cultural activities and social expressions of specific norms and values of the group not only through motorcycle racing but also through other related activities such as their involvement in music, motorcycle thefts and drugs. Forty-five youths in Kuala Lumpur aged between 17 and 26 were selected using the purposive sampling method, and 7 of them were chosen for in-depth interviews which were conducted from January until November 2007. The research aims to describe the Mat Rempit group activities and examine the specific elements existing within their sub-culture and the various social expressions of Mat Rempit group who were involved in using the social and physical spaces as well as the available opportunities to carry out their specific activities and sub-culture. The research shows that amidst the various social transformations that are taking place within the society today, the Mat Rempit sub-culture is a form of social reaction and collective solution of the youths to the conventional norms and values which are perceived to limit their social activities. Mat Rempit activities and sub-culture are indirectly the group's expression of life experiences and, more often than not, their leisure activities are seen by the public as socially problematic.

**Key words:** outlaw bikers, illegal racing, subculture, collective solution, social transformation.

## PENGENALAN

Menunggang motosikal bagi sesetengah orang merupakan aktiviti rekreasi. Namun kini aktiviti menunggang motosikal telah menjadi suatu sub-budaya devian bagi sesetengah yang lain. Penunggang-penunggang motosikal membentuk kumpulan, kelab dan persatuan-persatuan berasaskan minat dan kesukaan. Dalam hal ini pengkaji-pengkaji telah mengenalpasti wujudnya kelab motosikal yang dibahagikan kepada kelab konvensional dan devian (Barker, 2005; Barker & Human, 2009). Di Amerika Syarikat terdapat kelab atau geng motosikal yang dikenali sebagai the Big Four iaitu, Hell Angels, Outlaws, Bandidos dan Pagan yang dikatakan sebagai kelab One Percenters yang paling besar dan kekal bersifat radikal (criminal) (Barker, 2005), malah dikaitkan juga dengan jenayah terancang. Kumpulan penunggang motosikal yang menganggotai kelab atau geng sedemikian menonjolkan ciri atau sikap tidak akur kepada budaya arus perdana, taat setia kepada kumpulan, meraikan kebebasan dan terlibat dalam jenayah (Van den Eynde, 2007).

Di Malaysia kita sering mendengar penglibatan penunggang motosikal dalam perlumbaan haram. Seringkali penunggang motosikal yang berlumba haram dikenal pasti terdiri daripada golongan muda yang mencari *adventure* dan adalah *risk takers*. Sehubungan itu sesetengah golongan muda di Malaysia cenderung dilihat sebagai golongan yang sering dikaitkan atau terlibat dalam fenomena sosial yang menjurus kepada reaksi negatif masyarakat terhadap mereka. Fenomena Mat Rempit adalah antara isu popular dalam menggambarkan situasi tersebut. Mat Rempit umumnya ditanggapi oleh masyarakat sebagai penunggang motosikal haram yang sering melakukan aksi bahaya, cenderung terlibat dalam aktiviti lepak, terlibat dalam pengambilan dadah (Samsudin A. Rahim, 1994; Rozmi Ismail, 2004) dan kini laporan akhbar, artikel dalam laman web dan malah khutbah Jumaat sering mengaitkan mereka dengan jenayah ragut (JAIS, 2009; Mohd Zakuan Hj Tak, 2006; KOSMO 21 Julai 2010).

Golongan Mat Rempit dikatakan membangunkan dan mengembangkan satu budaya ‘baru’ yang bertentangan dengan budaya masyarakat konvensional di Kuala Lumpur khususnya dan di Malaysia umumnya. Budaya baru tersebut menggambarkan kepada umum corak hidup mereka yang menginginkan suatu *adventure* atau cabaran dalam hidup. Perlakuan Mat Rempit melalui aktiviti mereka turut melibatkan masalah atau isu misalnya tingkah laku jenayah dan devian yang secara tidak langsung mengukuhkan imej negatif masyarakat terhadap mereka.

Pelbagai istilah muncul dalam menjelaskan perlakuan negatif kumpulan Mat Rempit seperti ‘Mat Motor’, ‘pelumba haram’, ‘budak racing’, ‘Mat Bodoh’, dan lain-lain lagi. Fenomena Mat Rempit tidak terdapat di negara-negara lain, tetapi terdapat tingkah laku golongan muda di sesetengah negara yang mempunyai persamaan dengan fenomena Mat Rempit seperti di Malaysia (Samsudin A. Rahim, 1994; Voelkl, Welte & Wieczorek, 1999). Contohnya, di negara Barat mereka yang terlibat dengan perlumbaan motosikal yang seakan-akan sama dengan tingkah laku Mat Rempit dikenali sebagai *hell riders* (Rozmi Ismail, 2004: 1), manakala di Indonesia mereka dikenali sebagai ‘Pembalap Haram’.

Mat Rempit umumnya merupakan sebuah kumpulan yang dianggap agresif, menakutkan, kurang berpendidikan dan terlibat dengan dadah serta mempunyai sub-budaya tersendiri. Respon negatif pelbagai pihak dalam masyarakat terhadap ‘pelumba haram’ dan sub-budayanya yang wujud sebenarnya telah ‘mengiktiraf’ kewujudan kumpulan tersebut di sesetengah negara dan secara langsung dan tidak langsung membantu mengekalkan kewujudan mereka sebagai satu kumpulan sosial dalam masyarakat (Rokiah Ismail, 2004). Kumpulan Mat Rempit di Kuala Lumpur dapat dikenal pasti di kawasan-kawasan seperti Dataran Merdeka yang menjadi lokasi utama dan kawasan-kawasan sekitarnya seperti Jalan

Raja Laut, Jalan Sultan Ismail, Jalan Chow Kit, Jalan Tuanku Abdul Rahman, di kawasan-kawasan Bangsar, Ampang, Cheras, Sentul, Kepong, Damansara dan Brickfields (Rokiah Ismail, 2004; Rozmi Ismail, 2004).

Makalah ini berasaskan sebuah kajian berbentuk huraian dan bertujuan melihat aktiviti Mat Rempit dan sub-budaya yang wujud bagi kumpulan tersebut serta makna sosial yang terkait dengannya.

## **METOD KAJIAN**

Pesampelan secara bertujuan telah dilakukan ke atas 45 orang responden, iaitu lelaki Melayu berusia 17 hingga 26 tahun. Para responden merupakan individu yang terlibat dalam keseluruhan aktiviti lumba haram tidak kira sama ada sebagai pelumba haram, ahli kumpulan yang menonton lumba haram dan berkongsi aktiviti Mat Rempit, pengajur lumba haram dan sebagainya di sekitar Kuala Lumpur. Kajian ini memilih responden yang menjalankan aktiviti Mat Rempit di Kuala Lumpur seperti di Dataran Merdeka, Jalan Raja Laut, Jalan Yap Kwan Seng, Bangsar, Kampung Pandan, Ampang, Cheras dan Bandar Tun Razak tanpa mengira tempat asal mereka sama ada dari Kuala Lumpur atau di luar Kuala Lumpur. Sampel kajian dipilih menggunakan kaedah *snowball* yang juga dikenali sebagai kaedah jaringan atau *network*, rantaian rujukan atau *chain referral* atau pesampelan reputasi atau *reputational sampling* (Neuman, 2003: 214). Pesampelan yang menggunakan kaedah ini mendapatkan responden melalui jaringan sosial yang wujud dalam kalangan Mat Rempit. Responden yang dipilih adalah penunggang motosikal yang dianggap sebagai individu yang mempunyai ciri-ciri yang boleh digolongkan dalam kumpulan Mat Rempit. Mereka masih lagi aktif berlumba, melibatkan diri sebagai pengajur lumba haram dan individu-individu lain yang terlibat dalam fenomena Mat Rempit.

Kajian ini menggunakan data kuantitatif terutamanya untuk mendapat maklumat tentang latar belakang sosiodemografi responden dan sebab yang mempengaruhi mereka untuk terlibat dalam kumpulan Mat Rempit. Pendekatan kualitatif banyak dimanfaatkan dalam mendapatkan deskripsi serta pandangan kumpulan Mat Rempit tentang diri, aktiviti-aktiviti dan dinamika sub-budaya khusus Mat Rempit. Seramai tujuh orang responden daripada kesemua responden telah dipilih bagi sesi temubual secara mendalam. Temubual mendalam dilakukan secara berperingkat. Pada peringkat pertama pengkaji menemubual responden di lapangan di mana pengkaji mendekati dan mengenali responden di lokasi lumba haram. Pada peringkat kedua pula, pengkaji membuat temujanji bersama responden untuk memperolehi maklumat lanjut berkenaan aktiviti dan sub-budaya Mat Rempit yang diamalkan. Kerja lapangan bagi kajian ini dijalankan dari Januari hingga November 2007.

Kaedah *judgemental* turut digunakan dalam pesampelan bertujuan di mana responden dipilih berdasarkan ciri-ciri Mat Rempit yang dipamerkan dari segi pakaian, pertuturan dan aktiviti khusus yang dilakukan seperti berlumba haram dan melepak bersama rakan-rakan sambil bercerita tentang motosikal, kehidupan mereka dan topik-topik umum yang menarik perhatian mereka seperti muzik, filem dan drama, dan juga hal yang berkaitan dengan dadah. Sebagai tambahan, sampel disahkan benar oleh rakan-rakan Mat Rempit dan orang-ramai di sekeliling mereka.

## **HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Pada kebiasaannya kumpulan Mat Rempit menjalankan aktiviti berlumba haram mereka dari jam 12.00 tengah malam sehingga 5.00 pagi terutama pada hujung minggu dan cuti umum. Kumpulan Mat Rempit umumnya dianggotai dua hingga 30 orang ahli. Keakraban wujud dalam kalangan dua hingga sepuluh orang sahaja dan ahli-ahli lain terlibat secara *on and off*. Dalam kalangan Mat Rempit wujud suatu ikatan atau perhubungan yang rapat lebih-

lebih lagi apabila mereka berada dalam kumpulan kecil. Mereka saling mengenali di antara satu sama lain terutama dalam kumpulan kecil.

Mat Rempit boleh ditemui di Lebuh Raya Persekutuan, serta jalan raya yang lurus dan mempunyai selekoh tajam seperti Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Chow Kit, Jalan Raja Laut, Dataran Merdeka dan di kawasan sekitar Kuala Lumpur. Litar Jalan Raja Laut adalah litar ‘berani maut’ dan Mat Rempit ‘berhati kering’ sahaja mampu berlumba atau melakukan aksi-aksi ala akrobatik yang merbahaya di situ kerana pihak berkuasa seperti polis dan pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan lebih cenderung memerhatikan mereka dan cuba melakukan serbuan. Jalan tersebut tidak mempunyai jalan pintas untuk melarikan diri sekiranya mereka diserbu. Lokasi Dataran Merdeka dan Jalan Raja Laut amat berhampiran dengan Ibu pejabat Polis Bukit Aman dan Balai Polis Jalan Dang Wangi serta Ibu Pejabat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Mat Rempit juga terlibat dalam aktiviti jenayah seperti mencuri motosikal dan ragut. Jenayah dilakukan di sekitar Kuala Lumpur dan di kawasan luar Kuala Lumpur seperti Nilai, Seremban, Klang, Shah Alam, Bangi dan Kajang. Aktiviti mencuri motosikal dilakukan untuk mendapatkan *spare parts* atau ‘barang panas’ bagi dijual atau digunakan sendiri. Motosikal curi dan bahagian-bahagiannya dijual dengan harga yang murah seperti motosikal Kriss yang harga sebenarnya adalah sekitar RM3500 hingga RM5000 dijual dengan harga sekitar RM200 hingga RM1500 sebuah. Hasil aktiviti penjualan motosikal curi dan ragut digunakan sebagai sumber pendapatan sampingan selain mereka menjual dadah, ‘melacurkan’ teman wanita sendiri dan sebagainya.

Istilah atau bahasa yang digunakan Mat Rempit mempunyai persamaan dari segi maksud dengan bahasa utama yang digunakan dalam masyarakat di Malaysia, tetapi diwujudkan bagi melahirkan suatu sub-budaya dalam membentuk identiti tersendiri dan membezakan diri mereka daripada anggota masyarakat yang lain. Sebagai contoh, bagi kumpulan Mat Rempit ‘chaw’ bermaksud pergi. Terdapat juga istilah yang membawa maksud yang berlainan daripada maksud sebenar yang difahami dalam masyarakat seperti ‘gegar’. ‘Gegar’ dalam masyarakat umum difahami sebagai suatu keadaan yang bergongcang. Tetapi bagi Mat Rempit ‘gegar’ bermaksud tindakan membuat kacau-bilau sebagai tanda balas dendam atau tindakan amaran. Istilah dan bahasa yang digunakan Mat Rempit juga mempunyai maksud yang pelbagai bergantung kepada keadaan atau situasi sesuatu istilah itu digunakan. Sebagai contoh, istilah ‘barang’ membawa maksud dadah sekiranya topik perbualan adalah berkaitan dadah, namun ‘barang’ adalah alat ganti motor sekiranya Mat Rempit berbincang mengenai motosikal dan sebagainya. Istilah ‘barang’ yang digunakan dalam masyarakat membawa maksud benda.

Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati tidak semua istilah dan bahasa yang digunakan oleh satu kumpulan Mat Rempit digunakan atau difahami oleh Mat Rempit yang lain misalnya ‘pondan’ yang bermaksud lelaki berperwatakan wanita. Istilah lain bagi ‘pondan’ adalah ‘mak nyah’, ‘si lembik’, ‘arbok’ dan ‘lelembut’. Perbezaaan istilah ini berlaku disebabkan lokasi tempat tinggal, jenis kumpulan Mat Rempit yang dianggotai, pekerjaan dan tahap keaktifan seseorang Mat Rempit dalam fenomena Mat Rempit. Sekiranya seseorang Mat Rempit itu aktif dalam aktiviti lumba haram dan bekerja sebagai *despatch boy* misalnya, individu tersebut berkemungkinan besar mampu mendapatkan istilah baru.

Istilah atau bahasa yang diguna pakai kumpulan Mat Rempit mempunyai pelbagai kaedah atau gaya penciptaan. Terdapat perkataan yang menggunakan perkataan asal dalam Bahasa Melayu seperti ‘gegar’, ‘kenduri’, dan ‘panas’; perkataan asal dalam Bahasa Inggeris pula seperti *try test*, *relax* dan *race*; perkataan gabungan di antara Bahasa Melayu dan Bahasa

Inggeris adalah seperti ‘*line panas*’, ‘cuba try test tengok’ dan ‘ada block’; dan terdapat pula bahasa selain Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris seperti ‘bohsia’, ‘macha’ dan ‘wusha’. Istilah dan bahasa yang dicampuraduk dengan pelbagai bahasa seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa India berstatus sebagai bahasa jalanan (Rokiah Ismail, 2004: 75). Secara tidak langsung, seseorang Mat Rempit perlu dari semasa ke semasa memperbaharui dan mengemaskini ‘perbendaharaan kata’ atau istilah yang digunakan dalam kelompok mereka. Jadual 1 menunjukkan beberapa contoh istilah yang digunakan dalam kalangan Mat Rempit.

Jadual 1: Bahasa dan Maksud Yang Diguna pakai Oleh ‘Mat Rempit’

Bahasa	Maksud
Lauk, Bohsia, Cikaro, Anak Burung, <i>Chicken</i> , Ayam	Perempuan untuk aktiviti seks
Kenduri	Perempuan untuk aktiviti seks secara beramai-ramai
<i>Bond, Otek, Bagon</i>	Polis
Kuda Putih	Polis Trafik
Tak Da Telor, Tak Da Buah, Tak Da Batang	Pengecut
Otai, Pailang, Taiko	Gangster atau ketua
Token	Pengedar dadah atau berperanan sebagai pembekal
Kencing Kuat	Suka tipu
Test Power, Jom Tiga Tiang	Ajakan untuk berlumba haram
Tiang	Tanda untuk ukur jarak
<i>Hot, temper</i> , angin dan menyirap	Berada dalam keadaan marah
Barang Panas	Barang curi atau barang yang menjadi rebutan atau permintaan
Bakar <i>Line</i>	Aktiviti lumba haram atau ajakan untuk lumba haram
<i>Line Panas</i>	Keadaan atau situasi yang tidak selamat mungkin disebabkan kehadiran polis atau pada masa tersebut polis sedang melancarkan operasi secara besar-besaran atau drastik.
Awek, <i>GF</i>	Teman wanita
Cucuk Belakang, Cucuk Angin	Ajakan untuk berlumba yang tidak dirancang dengan ‘Mat Rempit’ atau pengguna jalan raya lain.
Kepala Masuk Air	Ghairah melakukan aksi ala akrobatik atau nafsu seks di tahap maksimum
Air Sampai Kepala, Bil Air Tertunggak	Keinginan yang teramat untuk seks
Banyak Air	Perempuan yang digunakan untuk seks sangat memuaskan
Cempow	Buah dada besar
<i>Parkos</i>	Ubat batuk dicampur dengan air bergas seperti coke
Kacang	<i>Ecstacy</i>
Boh	<i>Marijuana</i>
Dapur	Alat untuk memproses bahan-bahan yang digunakan untuk menagih ganja

Suatu sub-budaya dicirikan oleh satu set norma dan nilai-nilai khusus yang dipatuhi oleh ahli sesebuah kumpulan dalam mengamalkan suatu tindak laku sama ada yang bersifat konvensional atau bukan konvensional (Rokiah Ismail, 2004: 73). Sub-budaya yang diterapkan dalam kumpulan Mat Rempit sebenarnya berfungsi sebagai suatu alat untuk menyatukan ahli kumpulan, membimbing dan mengawal tingkah laku mereka (Rokiah Ismail, 2004: 71). Sub-budaya Mat Rempit mempunyai aspek positif dan negatif dalam masyarakat. Semangat kekitaan dan keakraban yang wujud dalam kalangan Mat Rempit misalnya, diaplikasikan dalam aktiviti kemasyarakatan seperti amalan tolong-menolong dan bantu-membantu bagi menjayakan sesuatu aktiviti seperti kenduri-kendara dan majlis perkahwinan. Dari sudut negatif pula, Mat Rempit berkebolehan menggugat ketenteraman masyarakat seperti melalui aktiviti konvoi bermotosikal dalam jumlah penunggang yang ramai yang mendatangkan bahaya kepada para pengguna jalan raya yang lain lebih-lebih lagi sekiranya mereka melakukan aksi-aksi akrobatik.

Norma dan nilai dalam kumpulan Mat Rempit terbentuk secara tidak langsung. Ini dilihat berlaku di mana ahli-ahli kumpulan Mat Rempit mewujudkan suatu ‘persetujuan’ secara spontan. Dominasi berlaku dalam pembentukan norma dan nilai dalam kumpulan Mat Rempit oleh individu atau beberapa orang individu yang mempunyai kuasa membuat keputusan. Individu-individu tersebut ‘berkuasa’ atas beberapa sebab tertentu seperti atas dasar kemahiran dan kepakaran yang dimiliki dalam hal misalnya kerap menang dalam perlumbaan haram, pandai membaiki motosikal, sering melakukan tingkah laku menyimpang dan sebagainya.

Mat Rempit taat kepada ketua kumpulan mereka. Ketua kumpulan Mat Rempit tidak dilantik secara rasmi seperti melalui proses pengundian, tetapi ia merupakan seseorang yang berpengaruh dan dominan berbanding ahli lain. Kadang-kala seseorang ketua kumpulan tidak menyedari bahawa dirinya dilantik menjadi ketua kumpulan. Jawatan sebagai seorang ketua kumpulan sering bertukar dari semasa ke semasa dan berpotensi meyebabkan sesebuah kumpulan Mat Rempit berpecah dan membentuk sebuah kumpulan yang baru atau bergabung dengan kumpulan lain. Kebarangkalian mereka bersatu kembali setelah berpecah bergantung kepada isu yang merangsang penyatuan sesebuah kumpulan seperti apabila berlaku sesuatu percaduhan atau penggunaan dadah.

Ahli kumpulan Mat Rempit mempunyai minat yang seakan-akan sama misalnya bermain alat muzik gitar dan drum, bersukan seperti bermain snuker dan billiard, memancing ikan dan beristirehat di ‘kedai mamak’. Mat Rempit melakukan segala aktiviti bersama-sama tetapi sering bergerak dalam jumlah yang sedikit dalam lingkungan dua hingga sembilan orang. Bergerak dalam jumlah yang ramai boleh membataskan segala aktiviti yang ingin dilakukan dan berkemungkinan mendatangkan masalah. Ini menunjukkan bahawa semangat kekitaan dan keakraban sangat tinggi dalam jumlah ahli yang sedikit, dan dalam sesebuah kumpulan Mat Rempit yang besar terdapat pula beberapa sub-kumpulan yang lain.

Walaupun kumpulan Mat Rempit memiliki norma dan nilai mereka yang tersendiri atau khusus, mereka tidak pula menolak norma dan nilai masyarakat umum seperti ikut serta dalam aktiviti gotong-royong dalam komuniti. Sekiranya mereka dijemput menghadiri satu majlis perkahwinan yang memerlukan bantuan dan pertolongan mereka dalam menjayakan majlis tersebut, mereka secara beramai-ramai akan melibatkan diri membantu sama. Sekiranya norma dan nilai dalam masyarakat mengganggu atau membataskan amalan norma atau nilai yang dipegang mereka, kumpulan Mat Rempit akan bertindak balas seperti merosakkan harta benda awam atau persendirian dan mencederakan orang. Di antara contoh amalan yang melanggar norma dan nilai masyarakat adalah aktiviti melepak pada waktu malam sambil bermain gitar dan menyanyi beramai-ramai dan menguji kemampuan

motosikal masing-masing sehingga mengganggu ketenteraman penduduk setempat dengan bunyi bising yang dihasilkan. Pada ketika ini, pihak polis akan memainkan peranan dalam mengawal aktiviti dan tingkah laku Mat Rempit.

## KESIMPULAN

Kumpulan Mat Rempit adalah sekumpulan generasi muda di Malaysia kini yang dikaitkan dengan aktiviti bermotosikal secara berkumpulan dan terlibat dalam perlumbaan haram dan tingkah laku menyimpang. Fenomena Mat Rempit dengan sub-budayanya yang tersendiri umumnya dipersepsikan oleh masyarakat umum di Malaysia sebagai satu *counterculture* kerana dianggap menolak budaya masyarakat umum dan mencari suatu gaya hidup alternatif (Macionis, 2007; Schaefer, 2003). Budaya tersebut dikatakan popular dan lebih mudah berlaku dalam kalangan golongan muda (Goode, 2005; Thio, 2006). Kewujudan sub-budaya Mat Rempit di Kuala Lumpur secara langsung dan tidak langsung umumnya dianggap mencabar dan menggugat kestabilan budaya umum dan kehidupan sosial masyarakat bandar Kuala Lumpur.

Sub-budaya Mat Rempit yang terhasil melalui bahasa dan corak pertuturan, pakaian, aktiviti, norma dan nilai tertentu melambangkan suatu identiti bagi membezakan diri mereka daripada anggota masyarakat lain. Sub-budaya tersebut mengandungi beberapa keunikan terutama sekali dari segi penampilan diri, bahasa dan perwatakan umum dalam satu ruang fizikal dan sosial yang dikongsi bersama dengan anggota masyarakat Kuala Lumpur yang lain. Sifat kekhususan atau ‘kelainan’ inilah yang kritikal yang lazimnya menggariskan sempadan antara budaya atau tingkah laku normal daripada yang tidak normal, justeru dipertikaikan kemunculannya dalam masyarakat atas beberapa sebab tertentu.

Kandungan Seksyen 42 Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 (Pindaan 1999), iaitu memandu secara melulu dan membahayakan merupakan di antara undang-undang yang digunakan dalam membanteras aktiviti kumpulan Mat Rempit. Namun tiada suatu undang-undang khusus yang digubal oleh pihak kerajaan dalam berhadapan dengan kumpulan Mat Rempit. Terdapat pihak yang mencadangkan kerajaan dan pihak polis menggubal undang-undang yang khusus untuk menangani segala aktiviti kumpulan Mat Rempit. Persoalannya adakah setiap fenomena sosial golongan remaja yang wujud di Malaysia di mana ianya dipersepsikan sebagai menggugat ketenteraman dan keharmonian awam pada suatu ketika perlu ditangani dengan hanya menggubal undang-undang khusus terhadapnya? Mungkin pada saat ini, *seandainya* kawalan sosial melalui undang-undang itu perlu, maka penambahbaikan undang-undang sedia ada dan penguatkuasaannya secara baik dan berterusan disarankan.

Golongan remaja adalah antara kumpulan yang amat terkesan daripada pelbagai proses pembangunan yang turut mempengaruhi gerak laku dan adaptasi sosial anggota masyarakat di Malaysia. Aktiviti dan sub-budaya Mat Rempit umumnya merupakan satu respon kolektif golongan remaja terhadap pelbagai cabaran dan tuntutan hidup masyarakat moden dan terbandar seperti Kuala Lumpur. Berbagai-bagai pengalaman golongan muda mengharungi kehidupan dalam keluarga, sekolah, tempat kerja, dan bersama rakan dan wujudnya norma dan nilai masyarakat yang bersifat heterogen menuntut lahirnya tingkah laku manusia yang umumnya kurang seragam berbanding apa yang terdapat dalam keadaan masyarakat Malaysia dahulu yang kurang kompleks (Rokiah Ismail, 1995; 2004). Kumpulan Mat Rempit juga boleh terperangkap dalam suatu keadaan krisis nilai yang mengiringi pembangunan masyarakat Malaysia dan dalam keadaan terdapatnya babit-babit krisis sosial dalam hal remaja menjalin hubungan sosial yang bermakna dengan anggota masyarakat yang lain. Justeru dalam keadaan sedemikian, kumpulan rakan sebaya merupakan kumpulan sosial yang paling menyenangkan buat mereka berkongsi minat dan masalah hidup.

Apakah fenomena Mat Rempit yang dikaitkan dengan golongan muda di Kuala Lumpur akan pupus daripada masyarakat? Hal ini sungguh rumit untuk dicari jawapan yang pasti. Namun apa yang telah terjadi selama ini membayangkan bahawa keadaan tingkah laku seperti tersebut yang lazimnya dikaitkan dengan golongan muda akan cenderung lahir dari semasa ke semasa dalam bentuk atau jenis yang mungkin berbeza daripada yang sebelumnya. Keadaan ini berkemungkinan timbul apabila masyarakat berterusan mengalami pelbagai perubahan dan apabila fasa remaja sebagai fasa transisi kehidupan antara kanak-kanak dan orang dewasa dicirikan oleh pelbagai kadar dan jenis *storms and stresses* bagi golongan muda. Tambahan pula, dalam situasi yang kritikal itu pula golongan remaja harus meneruskan kehidupan secara aktif bersama anggota masyarakat yang lain yang padanya terdapat nilai dan norma yang mungkin tidak sama dengan golongan remaja. Keadaan ini selanjutnya cenderung membolehkan sesetengah tingkah laku golongan muda dipermasalahkan. Pada tahun 1980-an sehingga awal 1990-an fenomena Mat Motor mendapat perhatian umum. Kini isu Mat Rempit yang juga melibatkan golongan muda tampil pula dengan identiti dan imej yang tersendiri dan hal ini juga diperbahaskan.

## Rujukan

- Barker, T. and Human, K. M. (2009). Crimes of the Big Four Motorcycle Gangs. *Journal of Criminal Justice*, 37: 174–179.
- Barker, T. (2005). One Percent Bikers Clubs: A Description. *Trends in Organized Crime*, 9 (1): 101-112.
- Beirness, D. J. (1987). Self-estimates of Blood Alcohol Concentration in Drinking-driving Context. *Drug and Alcohol Dependence*. 19 (1): 79-90.
- Boon Siew Sdn. Bhd. (tt.). *Buku panduan pemilik*. Boon Siew Sdn. Bhd Penang. Malaysia.
- Buss, A. H., and Perry, M. (1992). The Aggression Questionnaire. *Journal of Personality and Social Psychology*. 63 (3): 452-459.
- Cavan, R. S. (1969). *Juvenile: Development, treatment and control*. Ed. ke-2. Philadelphia: J. B. Lippincott Company.
- Cohen, A.K. (1955). *Delinquent boys: The culture of the gangs*. London: The Free Press.
- Deffenbacher, J. L., Filetti, L. B., Richards, T. L., Lynch, R. S. & Oetting, E. R. (2003). Characteristics of Two Groups of Angry Drivers. *Journal of Counseling Psychology*. 50 (2), 123-132.
- Douglas, J. D. (1982). *The sociology of deviant behavior: An introduction*. Boston: Little, Brown and Company.
- Downes, D.M. (1973). *The delinquent solution: A study in subcultural theory*. Ed. ke-3. London: Routledge & Kegan Paul.
- Fritz, G. K. (2006.) Adolescents and the Goth Subculture. *The Brown University Child and Adolescent Behavior Letter*, Jun: 8.
- Gabany, S. G., Plummer, P. and Grigg, P. 1997. Why Drivers Speed: The Speeding Perception Inventory. *Journal of Safety Research*. 28 (1): 29-35.
- Gibson, D.C. (1981). *Delinquent behavior*. Ed. ke-3. New Jersey: Englewood Cliffs.
- Goode, E. (2005). *Deviant behaviour*. Ed. ke-7. New Jersey: Prentice Hall.
- Haskell, M.R. & Yablonsky, L. (1970). *Crime and delinquency*. Chicago: Rand McNally & Company.

- Hilakivi, I., Veilahti, J., Asplund, P., Sinvuo, J., Laitinen, L., Koskenvuo, K. (1989). A Sixteen-Factor Personality Test for Predicting Automobile Driving Accidents of Young Drivers. *Accident Analysis and Prevention*. October. 21(5): 413-8.
- Hishamuddin Rais. (2007). *Mat rempit wadah generasi muda masa kini*. [http://www.malaysia-today.net/ShamRais/mat\\_rempit](http://www.malaysia-today.net/ShamRais/mat_rempit) (16 September 2007).
- Hunt, E. F. & Colander, David C. (2005). *Social science: An introduction to the study of society*. Boston: Pearson Education.
- Iversen, Hilde and Rundmo, Torbjörn. (2002). Personality, Risky Driving and Accident Involvement Among Norwegian Drivers. *Personality and Individual Differences*. 33 (8): 1251-1263.
- JAIS Unit Penerangan Dan Penerbitan Bahagian Dakwah. (2010). 2R ( rempit dan ragut): semua perlu berperanan. [http://www.jais.gov.my/index.php?option=com\\_content&task=view&id=771&Itemid=70](http://www.jais.gov.my/index.php?option=com_content&task=view&id=771&Itemid=70) (Diakses pada 21 Julai 2010).
- Kementerian Pengangkutan Malaysia. (2006). *Statistik*. <http://www.mot.gov.my> (6 Februari 2007). Kosmo, 21 Julai 2010 (Antara rempit dan ragut).
- Lajunen, T. and Summala, H., 1995. Driving Experience, Personality and Skill, and Safety-motive Dimensions in Drivers' Self-assessments. *Personality and Individual Differences*. 19: 307–318.
- Lajunen, T., Corry, A., Summala, H. and Hartley, L. (1997). Impression Management and Self-deception in Traffic Behaviour Inventories. *Personality and Individual Differences*. 22: 341–353.
- Macionis, J. J. (1995). *Sociology*. Ed. ke-11. New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Malaysia. (1987). Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan 1999).
- Matza, D. (1969). *Becoming deviant*. Englewood Cliffs, N. J.: Prentice Hall.
- Meadows, M. L., Stradling, S.G. and Lawson S., (1998). The Role of Social Deviance and Violations in Predicting Road Traffic Accidents in a Sample of Young Offenders. *British Journal of Psychology*. 89: 417–431.
- Mohd Zakuhan Hj Tak. (2006). Mat Rempit Dan Mat Ragut. KHUTBAH JUMAAT 18 Ogos 2006 / 24 Rejab 1427 H. [http://www.bakit.com.my/bakit/IFrame/8.Khutbah\\_Jumaat/khutbah\\_jumaat/18.Mat\\_rempit\\_mat\\_ragut.html](http://www.bakit.com.my/bakit/IFrame/8.Khutbah_Jumaat/khutbah_jumaat/18.Mat_rempit_mat_ragut.html) (Diakses pada 21 Julai 2010).
- Neuman, L. 2003. *Social research methods: Qualitative and quantitative approaches*. ED. Ke-5. Boston: Pearson Education.
- Polis DiRaja Malaysia. (2003). *Statistik*. <http://www.rmp.gov.my> (6 Februari 2007).
- Rathinam, C., Nair, N., Gupta A., Joshi, S., Bansal, S. (2007). Self-reported Motorcycle Riding Behaviour among School Children in India. *Accident Analysis and Prevention*. 39: 334–339.
- Regoli, R. M. & Hewitt, J. D. (2006). *Delinquency in society*. Ed. ke-6. New York: McGraw-Hill.
- Rokiah Ismail. (1995). Perilaku non-konformis golongan remaja Malaysia: Satu renungan sosiologikal. *Jurnal Antropologi dan Sosiologi* 22: 73-95.
- Rokiah Ismail. (2004). Kumpulan ‘Mat Motor’ dan perlumbaan motor haram: Suatu penelitian dari aspek sosiologi. Prosiding Seminar Kebangsaan Ke-3 Psikologi dan Masyarakat 2004. Universiti Kebangsaan Malaysia: Pusat Teknologi Pendidikan.
- Rose, A. M. & Rose, C. B. (1969). *Sociology: The study of human relations*. New York: Alfred A. Knopf.

- Rozmi Ismail. (2004). Gejala perlumbaan motosikal haram di kalangan remaja: Peranan keluarga dan masyarakat dalam mengenai gejala ini. Prosiding Seminar Kebangsaan Ke-3 Psikologi dan Masyarakat 2004. Universiti Kebangsaan Malaysia: Pusat Teknologi Pendidikan.
- Schaefer, R. T. (2003). *Sociology*. New York, NY: Mc Graw Hill.
- Sexton, B. Baughan, C. Elliott, M. & Maycock, G. (2004). The Accident Risk of Motorcyclists. Prepared for the Department of Transport, Road Safety Division. Crowthorne, Berkshire, Transport Research Laboratory TRL, 2004, TRL Report ; No. 607 - ISSN 0968-4107.
- Siegel, L. J. (2005). *Criminology: The core*. Belmont: Thomson Wadsworth.
- Thio, A. (2006). *Deviant behaviour*. Ed. ke-8. Boston: Pearson Education.
- Thomson, W.E. & Bynum, J.E. (1991). *Juvenile delinquency: Classic and contemporary readings*. Boston: Allyn and Bacon.
- Van den Eynde, J. (2007). Depicting Outlaw Motorcycle Club Women Using Anchored and Unanchored Research Methodologies. *The Australian Community Psychologist*. 19(1): 96-111.
- Voelkl, K. E., Welte, J. W. and Wieczorek, W. F. (1999). Schooling and Delinquency among White and African American Adolescents. *Urban Education* March. 34 (1): 69-88.
- Wikipedia. (2006). Mat rempit. [http://en.wikipedia.org/wiki/mat\\_rempit](http://en.wikipedia.org/wiki/mat_rempit) (7 Januari 2007).

Prof. Madya. Dr. Rokiah Ismail, Muhamad Fuad Bin Abdul Karim & Zaidah Mustapha  
Pusat Pengajian Sosial Pembangunan dan Persekitaran  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Email: [rokiah@ukm.my](mailto:rokiah@ukm.my)